

22 FEB 1999

Siasatan-Tangkap

ANWAR TIDAK MELAWAN KETIKA DITANGKAP, SIASATAN DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerah diri untuk ditangkap tanpa melawan, demikian Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat kecederaan yang didakwa dialaminya semasa dalam tahanan polis diberitahu hari ini.

Ketua Polis Daerah Brickfields ACP Koh Hong Sun, 46, berkata bekas timbalan perdana menteri itu juga tidak membantah apabila pegawai polis Insp Nasaruddin Nasir, menuntup matanya dengan sehelai sapatangan semasa dalam perjalanan ke ibu pejabat polis di Bukit Aman di sini selepas beliau ditahan di rumahnya pada 20 Sept tahun lepas.

"Mata Anwar ditutup tanpa cermin matanya," katanya kepada panel tiga anggota yang terdiri daripada bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin sebagai ketua, bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar dan pakar bedah ortopedik Datuk Yeoh Poh Hong.

Penubuhan suruhanjaya itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas berikutan gesaan pelbagai pihak supaya siasatan penuh dijalankan bersabit kecederaan yang dialami Anwar.

Penyiasatan yang dijalankan oleh polis sebelum itu didapati tidak lengkap oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

Koh, saksi kedua siasatan itu yang diketuai oleh bekas peguam negara Tan Sri Abu Talib Othman, berkata beliau menerima arahan untuk menangkap Anwar daripada Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamaruddin Mohamed Ali, pada 20 Sept tahun lepas.

Beliau tiba di rumah Anwar di No 8, Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara, di sini pada kira-kira pukul 9.05 malam dengan beberapa pegawai polis dan melihat ramai orang yang meneriakkan perkataan "Reformasi" dan "Allahuakbar" di luar rumah itu.

Sekumpulan mereka, yang dipercayai para penyokong Anwar memberitahu beliau bahawa Anwar ketika itu sedang makan ubat dan bersiap untuk bersembahyang di tingkat atas rumahnya, katanya.

Beliau kemudian masuk ke rumah itu dan selepas Anwar muncul dari sebuah bilik, beliau mendekati Anwar, memegang tangan kirinya dan memberitahu Anwar yang beliau mahu menangkapnya.

"Beliau tidak melawan ketika ditangkap. Beliau tidak melakukan apa-apa untuk melawan saya atau pegawai lain yang turut berada di situ. Beliau menyerah diri untuk ditangkap tanpa melawan," kata Koh.

Anwar kemudian diiringi Koh dan pegawai polis lain keluar dari rumah itu menuju ke sebuah van Perodua polis yang diletakkan di hadapan rumah itu, diikuti isteri dan anak-anaknya.

Koh berkata lima minit selepas meninggalkan rumah itu, konvoi kereta peronda dan van yang membawa Anwar serta keluarganya berhenti dan Koh dihampiri oleh Komander Pasukan Petugas Khas Bukit Aman, Pemangku SAC 1 Datuk Meor Chek Hussein Mahayuddin yang memberitahunya bahawa Anwar akan menaiki kereta peronda Koh.

Dalam kereta itu, Anwar diapit oleh Koh dan Nasaruddin dan di pertengahan jalan, Koh berkata, beliau nampak Nasaruddin mengikat mata Anwar dengan sapu tangan yang diambilnya daripada pemandu kereta itu.

"Saya bertanyakannya dengan menggunakan isyarat tangan selepas beliau menutup mata Datuk Seri Anwar. Beliau memberi isyarat balas dengan tangannya yang saya faham bermaksud beliau telah mendapat arahan untuk berbuat demikian," katanya.

Semasa ditanya Abu Talib sama ada Anwar berkata apa-apa semasa proses

penahanan itu, Koh berkata beliau hanya ingat Anwar memberitahunya bahawa polis harus membayar panel kaca rumahnya yang pecah.

Sebaik tiba di Bukit Aman, beliau menyerahkan Anwar kepada ASP Rodwan Mohamed Yusoff di kaunter lokap.

Di peringkat ini, Abu Talib berkata adalah penting bagi panel siasatan itu dan peguam terlibat untuk pergi ke Bukit Aman supaya mereka mendapat gambaran jelas mengenai apa yang disebut oleh saksi-saksi.

Anuar kemudian memerintahkan mereka melawat Bukit Aman pada kira-kira pukul 2.15 petang dan siasatan akan disambung dengan keterangan Koh selepas kunjungan itu.

Terdahulu, Meor Chek Hussein, berkata beliau diarahkan menyertai sepasukan polis untuk menangkap Anwar.

Apabila tiba di rumah Anwar, beliau mendapati pintu depan rumah itu ditutup dan meskipun memperkenalkan diri sebagai anggota polis serta meminta kebenaran untuk masuk, beliau tidak dibenarkan berbuat demikian oleh orang yang berada di dalam rumah itu.

"Anggota-anggota (pasukan) saya tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa memecahkan pintu hadapan rumah itu yang diperbuat daripada kayu," katanya.

Sebaik berada dalam rumah itu, beliau menganggarkan terdapat antara 300 hingga 350 orang berada di situ dan kemudian beliau bertemu Anwar yang sedang berdiri di ruang tengah rumahnya.

"Semasa itu saya terdengar semacam satu jeritan dan kata-kata yang saya tak ingat tetapi saya dapat ingat Datuk Seri Anwar menunjuk-nunjukkan jarinya ke arah muka saya. Pada masa itu, jarak saya kira-kira dua kaki daripada beliau," katanya.

Meor Chek Hussein berkata setelah memperkenalkan dirinya dan memaklumkan tujuan kedatangannya ialah untuk menangkap Anwar, bekas timbalan perdana menteri itu berkata kepadanya "Kamu ingat saya takut dengan kamu?"

Beliau menjawab: "Ini bukannya perkara sama ada saya takut dengan Datuk Seri atau tidak, tetapi saya mendapat arahan untuk membawa Datuk Seri ke Bukit Aman."

Anwar kemudian memberitahu Meor Chek Hussein, beliau ingin berbincang dengan peguamnya terlebih dahulu dan kemudian naik ke tingkat atas rumahnya untuk bersembahyang dengan diiringi dua orang pegawai polis.

Selepas bersembahyang, beliau berkata Anwar dibawa ke van polis yang sudah sedia menunggu sambil mendukung anaknya yang bongsu dan diikuti isteri serta anak-anaknya yang lain.

-- BERNAMA

ROS RON